

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2015/2016**

NAMA KURSUS	:	ATURCARA KONTRAK DAN TAKSIRAN
KOD KURSUS	:	BBB 40302
KOD PROGRAM	:	BBB
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN / JULAI 2016
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGITIGA (3) MUKA SURAT

SULIT

- S1** Encik Zamri ingin memilih kontraktor yang dirasakan layak bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan rumah dua tingkat di Taman Megah. Beliau mempunyai hak untuk memilih kontraktor dan kaedah pemilihan kontraktor tersebut adalah melalui penawaran tender.
- (a) Berikan definisi tawaran dari aspek kontrak dalam kejuruteraan awam. (3 markah)
- (b) Berdasarkan situasi Encik Zamri, terangkan jenis tender terbuka dan tender terpilih serta berikan cadangan jenis tender yang bersesuaian. (10 markah)
- (c) Huraikan proses-proses dalam penawaran tender. (12 markah)
- S2** Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (OSHA) telah diwujudkan pada tahun 1994 bagi menangani isu keselamatan dan kesihatan pekerja di tapak pembinaan. Perkara ini menjadi sebahagian daripada tanggungjawab kontraktor bagi memastikan tiada kemalangan berlaku di tapak pembinaan.
- (a) Terangkan tugas-tugas penyelia OSHA di tapak pembinaan. (10 markah)
- (b) Huraikan punca-punca berlaku kemalangan semasa di tapak pembinaan dan nyatakan cara-cara mengatasi kemalangan tersebut. (15 markah)
- S3** Kontrak adalah satu perjanjian yang terjalin apabila satu pihak bersetuju untuk menerima tawaran daripada satu pihak yang lain. Kandungan kontrak mestilah sah di sisi undang-undang dan maklumat yang dinyatakan adalah sulit.
- (a) Apakah tujuan utama kontrak dalam kejuruteraan awam? (3 markah)
- (b) Berdasarkan Akta Kontrak 1950, jelaskan lima (5) prinsip kontrak. (10 markah)
- (c) Encik Wong mendapat kontrak pembinaan bangunan bank di Bagan Ajam. Huraikan jenis kontrak yang bersesuaian dengan pembinaan ini. (12 markah)

- S4** (a) Berdasarkan Fasal 31, pihak kontraktor perlu mengambil polisi insurans dengan tujuan memberi perlindungan kepada individu yang terlibat dalam kontrak tersebut.
- (i) Nyatakan pernyataan-pernyataan yang terlibat dalam polisi ini. (5 markah)
- (ii) Huraikan tindakan yang boleh diambil oleh pihak pegawai penguasa jika kontraktor mengabaikan sebahagian peraturan yang termaktub dalam fasal ini. (6 markah)
- (b) Merujuk kepada fasal 35, Sijil Lanjutan Masa boleh dikeluarkan oleh pegawai penguasa disebabkan tempoh kelewatan. Berikan sebab-sebab yang membolehkan Sijil Lanjutan Masa dikeluarkan. (14 markah)

-SOALAN TAMAT-